

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	25/08/2017

## Kementerian Pendidikan nafi ketepi gambar Dr. M

**PUTRAJAYA 24 Ogos** - Kementerian Pendidikan membuat laporan polis terhadap penerbit buku yang mengubah sejarah Malaysia dengan tidak memasukkan gambar Perdana Menteri Keempat, Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam buku *Pendidikan Sivil dan Kewarganegaraan Tingkatan Tiga* terbitannya.

Kementerian itu dalam satu kenyataan memaklumkan, berdasarkan semakan yang dibuat mendapati buku itu bukan terbitan pihaknya dan menegaskan setiap fakta dalam kurikulum pendidikan negara ini adalah berdasarkan fakta sebenar yang berlaku dalam tempoh berkenaan.

"Selain amat kesal dengan tuduhan tersebut, pihak kementerian tidak pernah mengeluarkan sebarang arahan lisan atau

bertulis kepada sekolah-sekolah di bawah kementerian ini agar menanggalkan gambar Dr. Mahathir.

"Melihat terhadap kedua-dua tuduhan ini, kami telah membuat laporan polis agar diambil tindakan terhadap penerbit buku ini termasuk pihak yang menyebarkan laporan palsu membatikan nama kementerian," kata kenyataan itu hari ini.

Pada masa sama, Kementerian Pendidikan meminta netizen agar menghentikan penyebaran maklumat palsu tersebut di laman sosial supaya tidak mengganggu kesejahteraan serta keharmonian negara ini.

Sementara itu, Pegawai Khas Pejabat Penasihat Perdana Menteri, Datuk Dr. Fathul Bari Mat Jahaya berkata, penerbit itu disifatkan sengaja memburuk-bu-

rukkan nama Kementerian Pendidikan dengan menyingkirkan nama dan wajah Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri Keempat di dalam buku berkenaan.

Sehubungan itu katanya, Kementerian Pendidikan perlu membuat aduan dan laporan kepada pihak berkuasa seperti polis, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) serta Kementerian Dalam Negeri bagi mencari keadilan dan kebenaran.

"Walaupun kita tidak setuju dengan perbuatan Dr. Mahathir hari ini, tetapi sumbangan dan jasa yang lalu, kita tetap iktiraf. Macam suatu masa dahulu, Dr. Mahathir tidak menyukai Tunku Abdul Rahman Putra, bagaimanapun, beliau tetap mengakuinya sebagai Baba Kemerdekaan," katanya.

UM - 25/8/2017 pg. 4